

Amalan dan Kefahaman Agen terhadap Al-Wakalah dalam Takaful: Kajian Kes di Pahang Tengah

Mohd Kamal Azman Jusoh

Mazlina Suhaimi

Zulkifli Abdul Ghani Hilmi

Sharifah Faigah Syed Alwi

ABSTRAK

Takaful atau Insurans Islam telah menjadi satu instrumen penting dalam muamalat Islam di Malaysia pada hari ini. Perbezaan ketara antara Takaful dengan Insurans Konvensional antaranya ialah konsep muamalat yang digunakan. Al-Wakalah adalah salah satu konsep yang telah digunakan dengan meluas dalam syarikat-syarikat takaful di Malaysia. Tulisan ini akan membincangkan konsep al-wakalah di dalam fiqh Islam dan juga kajian amalan dan kefahaman agen di beberapa buah syarikat takaful di Malaysia terhadap konsep al-wakalah. Ia memfokuskan tentang keberkesanan syarikat-syarikat takaful dalam memberi kefahaman terhadap agen-agen syarikat berkaitan persoalan al-wakalah di Pahang tengah. Begitu juga tentang pengetahuan asas agen tentang konsep al-wakalah.

Kata kunci: *al-Wakalah, insurans Islam, muamalat, takaful*

Pendahuluan

Menurut Lane (1968), perkataan al-takaful yang berasal dari bahasa arab adalah dari kata akar kafala yang bermakna menyokong atau menyediakan dan memberi makan. Manakala menurut Ibnu Manzur (t.t.) al-takaful juga bermakna *al-qatan* iaitu sesuatu yang kecil yang terdapat di belakang manusia atau binatang.

Pengertian al-takaful dari sudut istilah pula mempunyai pengupasan luas yang memberi penekanan kepada aspek saling bekerjasama (*mutual cooperation*), saling lindung melindungi (*mutual protection*) dan saling bertanggungjawab (*mutual responsibility*) tanpa mengira sama ada ia bersifat individu mahupun berkelompok. Sebagai pemerintah mahupun yang diperintah, takaful bertujuan untuk menambahbaik taraf kehidupan masyarakat (Hussin Salamon 1991).

Kewujudan institusi insurans Islam di Malaysia yang dipelopori oleh Syarikat Takaful Malaysia Berhad yang kemudiannya diikuti oleh

Syarikat Takaful Nasional dan seterusnya syarikat-syarikat takaful yang lain telah memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk beralih kepada sistem muamalah Islam terutama urusan insurans secara Islam atau takaful.

Syarikat-syarikat ini menawarkan kepelbagaiannya produk takaful untuk dilanggani oleh masyarakat Islam dan bukan Islam. Bilangan sebenar orang-orang Islam yang terlibat dalam bidang insurans hari ini masih kurang jika dibandingkan dengan orang bukan Islam. Ini kerana kehidupan orang Islam sendiri yang semenjak dahulu tidak didedahkan dengan amalan insurans kerana kehidupan mereka tertumpu di luar bandar yang tidak memerlukan perlindungan insurans. Konsep insurans Islam (takaful) sudah lama wujud di kampung-kampung kediaman orang Melayu seperti kewujudan tabung khairat kematiian yang diamalkan di surau-surau di Malaysia. Namun begitu, masyarakat melayu Islam hari ini sudah berjaya menempatkan diri di bandar-bandar besar dengan mempunyai premis sendiri, kenderaan dan keperluan melindungi keluarga di waktu ditimpa bencana. Oleh itu Insurans Islam (takaful) hari ini lebih merupakan keperluan bagi seluruh umat Islam di bandar-bandar dan ianya telah pun berkembang di luar bandar.

Perkembangan takaful akan memberi kesan yang positif dalam perkembangan muamalat Islam. Apa yang penting perkembangan ini haruslah didasarkan kepada perkembangan keilmuan dan bukannya hanya melibatkan angka semata-mata. Tulisan ini akan memfokuskan salah satu konsep fiqh Islam yang diamalkan di dalam takaful iaitu al-Wakalah. Kupasannya berkisar tentang teori yang terdapat dalam Islam dan amalan serta kefahaman agen takaful terhadapnya.

Konsep al-Wakalah dalam Islam

Al-wakalah atau agensi adalah satu daripada autoriti yang membolehkan seseorang itu mengurus dan mengadakan akad bagi pihak lain yang diwakilinya dan diiktiraf oleh syarak. Al-wakalah mengikut definisi bahasa ialah perlindungan (al-hifz), tanggungan (al-Dhaman) atau perwakilan (al-tafwidh). (Ibrahim Mustafa, 1989). Manakala menurut istilah yang diberikan oleh fuqaha, ianya ialah akad yang dilakukan oleh dua orang atau dua pihak yang salah seorang daripadanya memberi kuasa kepada seseorang untuk menjalankan urusannya sebagai gantinya dalam perkara dan urusan tertentu (Sharbini 1933). Orang yang menjadi wakil adalah al-wakil atau agen.

Hukum al-wakalah adalah sunat dan menjadi wajib kalau terpaksa, haram jika pekerjaan yang diwakilkan itu pekerjaan yang haram dan makruh kalau pekerjaannya makruh (H. Sulaiman Rasjid, 1981). Dalil al-wakalah adalah berdasarkan al-Quran, al-Sunnah dan ijma'. Firman Allah

SWT mengenai al-wakalah ialah dalam surah al-Kahfi yang bermaksud:

"Maka utuslah olehmu salah seorang di antara kamu ke kota dengan wang kamu ini."

(al-Kahfi: 19)

Manakala sunnah Rasulullah SAW yang mengharuskan al-wakalah adalah seperti berikut:

"Berkata Abu Hurairah: "Telah berwakil Nabi SAW kepada saya untuk memelihara zakat fitrah dan beliau telah memberi 'uqbah seekor kambing agar dibahagikan kepada sahabat-sahabat beliau."

(Riwayat Muslim)

Ijma fuqaha mengharuskan al-wakalah berdasarkan keperluan masyarakat kepadanya (Ali Khafif t.t.). Abdul Halim Muhammad (2005) mengatakan al-wakalah dikira sah apabila mencukupi rukun dan syaratnya ketika pembentukannya. Oleh kerana al-wakalah adalah suatu akad yang diikitiraf maka pembentukannya terikat kepada rukun dan syarat tertentu sebagaimana akad-akad yang lain. Rukun yang perlu dipenuhi dalam akad al-wakalah ini ialah sighah atau lafaz akad, tawaran dan penerimaan, dua pihak yang berakad dan sesuatu atau perkara yang diakadkan.

Kajian Amalan dan Kefahaman Agen Takaful di Pahang Tengah terhadap al-Wakalah

Satu soal selidik telah diadakan di kalangan agen takaful di sekitar Pahang Tengah iaitu di Maran, Temerloh, Mentakab dan Jerantut. Responden terdiri daripada Syarikat Takaful Nasional dan Takaful Ikhlas. 64% adalah responden lelaki dan 36% perempuan. Kebanyakan mereka berumur antara 35 hingga 39 tahun (43%). Para responden adalah terdiri daripada pelbagai tahap akademik seperti sarjana (21.4%), sarjana muda (21.4%), diploma (21.4%), Sijil Tinggi Pelajaran (14.3%) dan Sijil Pelajaran Malaysia (21.4%). 43% daripada responden adalah khusus dalam bidang Pengurusan dan Perniagaan.

Melalui soal selidik ini, penyelidik mendapati bahawa 50% daripada responden telah mencebur perniagaan takaful sekitar tempoh satu hingga tiga tahun. Selainnya kurang dari satu tahun (22%), empat hingga tujuh tahun (21%) dan lapan hingga sebelas tahun (7%). Empat faktor utama mereka memilih menjadi agen ialah untuk membantu orang Islam terlibat

dalam takaful, mencari keberkatan, mengembangkan sistem mualamat dan mencari pendapatan sambilan.

Kursus berkaitan al-Wakalah

Sebelum atau semasa responden menjadi agen, beberapa kursus mengenai al-wakalah telah disediakan oleh pihak syarikat masing-masing. Kekerapan kursus yang diadakan dalam setahun ialah empat kali dan lebih (36%), tiga kali (14%) dan selebihnya ialah satu kali dan kurang. Cuma 50% daripada responden merasakan bahawa kursus yang diberikan adalah mencukupi. Mereka mengakui bahawa kursus-kursus yang diberikan lebih menumpukan kepada aspek teknikal berbanding aspek kefahaman muamalat.

Kefahaman tentang al-Wakalah dalam Fiqh Islam

Secara keseluruhannya 70% responden memahami maksud al-wakalah. 93% mengetahui bahawa hukum penggunaan al-wakalah adalah harus cuma sejumlah kecil sahaja yang kurang pasti. Walau bagaimanapun apabila dikemukakan soalan mengenai rukun al-wakalah beberapa jawapan telah diberikan seperti berikut.

<u>Rukun al-wakalah</u>	<u>Peratus</u>
Kerja	5
Wakil*	18
Perkara yang diwakilkan*	23
Kontrak*	11
Pewakil*	18
Pengusaha	14
Pemodal	11
Modal	0

(* Rukun al-wakalah)

Berdasarkan jawapan dari responden, didapati masih terdapat 30% responden yang tidak mengetahui tentang rukun al-Wakalah yang terdapat dalam Islam. Walaupun jumlah ini kurang dibandingkan dengan peratus yang betul menjawab tentang rukun al-wakalah, namun dirasakan tidak sepatutnya seseorang agen tidak mengetahui rukun al-Wakalah. Kerana rukun adalah persoalan asas dalam fiqh Islam sebelum dibincangkan syarat-syarat yang lain.

Pandangan Agen Terhadap al-Wakalah

Seterusnya perbincangan tentang pandangan pihak responden terhadap al-wakalah dalam takaful. Lima skel diberikan iaitu sangat tidak setuju (1), tidak setuju (2) tidak pasti (3), setuju (4) dan sangat setuju (5). Berikut adalah respons yang diberikan oleh responden.

Pandangan	1 (%)	2 (%)	3 (%)	4 (%)	5 (%)
Perbezaan sistem agen antara Takaful dan Insurans konvensional adalah berdasarkan konsep al-wakalah.	-	7	21	29	43
Di dalam melakukan aqad muamalat, niat memainkan peranan yang amat penting – lebih penting daripada lafaz aqad sendiri. Niat menentukan sama ada sah atau tidaknya sesuatu aqad al-wakalah.	7	-	29	49	22
Pelanggan yang tidak jelas tentang al-wakalah akan menyebabkan berlaku gharar (<i>uncertainty</i>) dalam aqad.	7	21	14	36	22
Amalan konsep al-wakil (agen) dalam operasi takaful selari dengan konsep al-wakalah dalam fiqh Islam.	-	14	7	50	29
Peranan al-wakalah dalam operasi Takaful menujurus kepada perniagaan semata-mata	21	22	50	7	-
Al-wakalah penting bagi memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat Islam terlibat dalam industri insurans berteraskan Islam	-	-	7	50	43
Peranan al-wakil dan tugas di dalam syarikat-syarikat Takaful di Malaysia tidak perlu diselaraskan	14	29	14	29	14
Persoalan al-wakalah perlu dipertingkatkan dalam ujian kelayakan menjadi al-wakil (agen) dalam takaful	-	7	21	43	29

Terdapat kepelbagaiannya pandangan agen takaful yang dikaji. 72% bersetuju bahawa sistem agen dalam takaful dan konvensional berdasarkan kepada prinsip al-wakalah. Manakala terdapat juga 21% yang tidak pasti dengan konsep ini dan terdapat 7% yang tidak bersetuju. Persoalan niat merupakan elemen yang penting di dalam Islam. Sebanyak 71% bersetuju

manakala 29% tidak pasti dan 7% yang menolak persoalan ini. Pelanggan yang tidak jelas tentang persoalan al-Wakalah akan berlaku gharar dipersetujui oleh responden sebanyak 58%, tidak pasti 14% manakala yang selebihnya tidak bersetuju. Sebanyak 79% menyatakan konsep agen sekarang selari dengan al-Wakalah di dalam Fiqh. 7% tidak pasti manakala 14% tidak bersetuju. Separuh responden tidak pasti sama ada al-Wakalah yang diwujudkan dalam takaful hanya untuk perniagaan semata-mata atau pun tidak. 41 % tidak bersetuju dan sebanyak 7 % bersetuju.

Manalaka kepentingan al-Wakalah dalam menyedia peluang kerjaya untuk agen dipersetujui sebanyak 93% dan bakinya tidak pasti. Al-wakalah tidak perlu diselaraskan antara semua syarikat takaful dipersetujui oleh 43% responden, 14 tidak pasti dan selebihnya menyatakan perlu diselaraskan. Dari segi penekanan aspek muamalat antaranya persoalan muamalat perlu ditekankan untuk menjadi agen dipersetujui lebih dari separuh iaitu 72%. Manakala 21% tidak pasti dan 7% tidak bersetuju.

Menurut soal selidik ini 64% responden tidak memberi penjelasan kepada pelanggan mengenai al-wakalah sebelum aqad. Walau bagaimanapun, 85% responden bersetuju bahawa setiap perjalanan urusniaga dalam Islam mesti dilakukan secara telus dan terbuka bagi membezakan dengan urusniaga konvensional. Ini jelas menunjukkan bahawa sebilangan besar responden masih tidak menjelaskan mengenai al-wakalah kepada pelanggan walaupun mereka tahu bahawa urusniaga perlu dijalankan secara telus. Ini mungkin disebabkan responden sendiri masih belum jelas mengenai peranan mereka dan tuntutan syariah di dalam menjalani urusniaga sebagai agen.

Kesimpulan

Al-Wakalah yang terdapat di dalam Islam mempunyai rukun dan syarat-syarat tertentu. Ianya adalah pelengkap kepada sistem muamalat Islam. Perlaksanaan agensi atau al-wakalah yang sempurna akan mencapai tuntutan syariah (maqasid al-Syariah) yang akan memberi kesan terhadap muamalat Islam. Masih banyak ruang yang perlu dilaksanakan oleh pihak syarikat dan agen sendiri dalam meningkatkan kefahaman dan amalan al-Wakalah dalam takaful. Setiap agen mestilah faham dengan jelas aspek-aspek muamalat seperti al-Wakalah kerana ianya yang membezakan antara takaful dan insurans konvensional. Diharapkan dengan meningkatnya kefahaman agen terhadap muamalat Islam seperti al-Wakalah ini, ianya akan membantu perkembangan muamalat Islam di Malaysia secara bersepadu, iaitu dari aspek kefahaman fiqh dan juga aspek teknikal.

Rujukan

- Abdul Halim Muhammad. (2005). *Undang-Undang muamalat dan aplikasinya kepada produk-produk perbankan Islam*. Cet. Ke 3. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Quran.
- Ali Khafif. (t.t.). *Ahkam al-Muamalat al-Shariyyah*. Mesir: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Al-Zuhaili, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzu' 4 dan 5 . Damsyik: Dar al-Fikr.
- H. Sulaiman Rasjid. (1981). *Fiqh Islam*, cet. 18. Jakarta: Attahiriyah.
- Helmi Karim. (1993). *Fiqh Muamalah*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Hailani Muji Tahir, Dr. (1997). *Isu syariah dan undang-Undang*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Syariah, FPI.
- Hussin Salamon. (1991). *The concept of takaful in Islam and its applicability in Malaysia*. Tesis Masters. Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ibnu Manzur, Muhammad Mukram. (t.t.). *Lisan al-Arab*. Jilid xiii. Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibrahim Mustafa, Ahmad Hassan al-Ziyat, Hamid Abd Qadir & Mohd Ali Najjar (1989). *Mu'jam al-Wasit*. Turki : Dar al-Dakwah
- Al-Jamili, Khalid Rashid. (1986). *Al-Jualah wa al-Ahkam fi al-Shari'ah Islamiyah wa al-Qanun*. Beirut: Dar al-Nadwah al-Jadid.
- Al-Maghniyyah, Muhammad Jawwad. (1966). *Fiqh al-Imam Jafar al-Sadiq*. Juzu' 3. Beirut: Dar al-'Ilm lil Malayin.
- Mohd. Fadzli Yusof. (1996). *Takaful sistem insurans Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Sharbini, Muhammad Sharbini al-Khatib. (1933). *Mughni al-Muhtaj*, jil. 2. Kaherah: Mustafa al-Halabi.

Yusof al-Qarhawi (1980). *Halal dan haram dalam pandangan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

MOHD KAMAL AZMAN JUSOH, CITU, Universiti Teknologi MARA Pahang.

MAZLINA SUHAIMI, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang.

ZULKIFLI ABDUL GHANI HILMI, Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif, Universiti Teknologi MARA Pahang.

SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Malaysia.